

FPP

BizNewz

January - May 2024

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

USEFUL
INFORMATION
IN CHOOSING
ROBO-ADVISORY

Muscle

Memory!

Bunga Raya,
BUKAN BUNGA BIASA.

Gold

SECRET
OF DARTS

SAVING: 999 @ 916

AKU, DIA
NICU SIRI 8



Publication Date
1 June 2024

Nur Shafini Mohd Said, Nur Azwani Mohamad Azmin & Noor Hafiza Mohammed
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu,
Malaysia.
Emel Koresponden: nurshafini@uitm.edu.my

Dalam merealisasikan program tahunan FPP, jawatankuasa BizClub FPP telah mengadakan program 'FBM Academic Nexus 2023: Building, Bridging and Bonding' yang julung kalinya diadakan di luar kampus.

Program mega ini merangkumi tiga aktiviti dalam satu program mega (3 dalam 1) iaitu 'Treasure Hunt (Jom Gi Derak Treazer Hang)', 'Akademia Inspirasiku V2', dan 'family day'. Setiap program ini dikendalikan oleh pensyarah dan ahli jawatankuasa yang bertalinan bagi melancarkan perjalanan program dan pengarah projek bertanggungjawab memantau keseluruhan program. Program mega ini disertai seramai 59 orang dan telah berlangsung selama tiga hari dua malam.

Tarikh : 12 - 14 Oktober 2023 @ 3 hari 2 malam

Hari : Khamis, Jumaat dan Sabtu

Tempat : The Payang Scout Hotel

Objektif 'FBM Academic Nexus: Building, Bridging and Bonding' adalah:

1. Merapatkan silaturrahim sesama para pensyarah FPP (termasuklah lima orang pensyarah baru kemasukan 2022 dan 2023) dan menjalinkan semangat kerjasama dalam kumpulan;
2. Memastikan para pensyarah terlibat secara aktif dengan aktiviti fakulti dan memenuhi keperluan ATP menjadi ahli jawatankuasa bagi program di peringkat fakulti;
3. Meningkatkan stamina dan kecerdasan para pensyarah dalam menjalankan aktiviti lasak seperti 'teambuilding' dan aktiviti bersama keluarga dalam 'family day';
4. Meraikan kecemerlangan pensyarah melalui anugerah Akademia Inspirasiku bersempena dengan sambutan Hari Akademia; dan
5. Merangkumkan kesemua program tahunan jawatankuasa BizClub FPP dalam satu program mega bagi mencapai objektif penjimatan dalam melaksanakan program.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi kesan yang sangat mendalam kepada para pensyarah yang hadir iaitu dapat mengukuhkan silaturrahim, hubungan sesama pensyarah yang lebih mesra dan ramah, dan komunikasi yang sangat baik antara ahli. Secara tidak langsung, ia mencapai objektif yang dirangka sebelum program berlangsung.

Program ini dilaksanakan sebagai salah satu platform kepada ahli fakulti untuk menjalinkan hubungan lebih erat sesama ahli fakulti dan mewujudkan semangat kerja berpasukan sesama warga FPP. Rata-rata warga fakulti berpuas hati dengan aktiviti yang dijalankan dan berharap program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang.





BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com